

**INTERPRETASI KARYA SENI VISUAL  
TERPILIH BAKAT MUDA SEZAMAN (2000-2013)  
DARI KONTEKS DASAR KEBUDAYAAN  
KEBANGSAAN**

**oleh**

**MOHD FIRDAUS NAIF BIN OMRAN ZAILUDDIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Seni**

**Jun 2017**

## **PENGHARGAAN**

### **Alhamdulillah**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W bersama keluarga dan para sahabat baginda. Syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya, diberikan saya tubuh badan yang sihat, masa yang mencukupi dan fikiran yang matang untuk menyiapkan penulisan penyelidikan ini.

Penghargaan yang tidak terhingga dan ucapan terima kasih kepada penyelia utama, En. Shahrul Anuar Shaari bersama-sama pensyarah, Dr. Mohammad Khizal Saat di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat sepanjang menjalankan kajian ini. Segala tunjuk ajar dan cadangan yang diberikan amat berguna sepanjang proses menyiapkan penulisan ini. Semoga kalian diberikan ganjaran yang besar dari Allah S.W.T.

Seterusnya, ingin juga saya panjangkan penghargaan ini kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di atas tajaan biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB) melaui Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Bagitu juga kepada para pensyarah dan staf di Pusat Pengajian Seni (PPS) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) di atas kerjasama dan bantuan yang tidak ternilai sepanjang tempoh pengajian saya.

Ucapan terima kasih juga kepada artis-artis serta individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penyelidikan ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menyokong dari belakang dan

banyak membantu dari segi masa dan tenaga walaupun sibuk dengan kerja masing-masing.

Teristimewa buat ibu tersayang, Suziwati Mohd Salleh yang tidak putus-putus memberikan sokongan tidak berbelah bagi. Berkat doa ‘mama’, firdaus sampai ke tahap ini. Buat isteri tercinta Elisa Elis Ismail, puteri dan putera ‘papa’ Marsya Iman dan Syakir Iman, segala pengorbanan sepanjang perjuangan ini adalah untuk masa depan kita bersama.

Mohd Firdaus Naif bin Omran Zailuddin

## **ISI KANDUNGAN**

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Penerbitan	vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Plat	x
Akronim	xiii
Abstrak	xiv

## **BAB 1 – PENGENALAN**

1.1 Latar Belakang Penyelidikan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Tujuan Penyelidikan	9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Keterbatasan Kajian	12
1.9 Kerangka Teoritikal	13
1.10 Organisasi Kajian	14

## **BAB 2 – KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Kebudayaan, kebudayaan kaum dan kebudayaan kebangsaan	16
2.3	Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971	17
	2.3.1 Matlamat Perancangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan	20
	2.3.2 Kepentingan Dasar Kebudayaan	22
	2.3.3 Impak Pelaksanaan Dasar Terhadap Praktis Seni Malaysia	24
2.4	Pengenalan Bakat Muda Sezaman	26
	2.4.1 Peranan Bakat Muda Sezaman di dalam Seni Malaysia	27
	2.4.2 Implikasi Dasar Kepada Karya Bakat Muda Sezaman	28
2.5	Teori Kritikan Seni	32
2.6	Rumusan	35

## **BAB 3 – METODOLOGI PENYELIDIKAN**

3.1	Pengenalan	36
3.2	Metodologi Proses Carta Alir	38
3.3	Metodologi	39
3.4	Teori Kritikan Seni ‘Feldman’	41
3.5	Kajian Literatur	43
3.6	Sampel Karya dan Temubual Separa Berstruktur	44
3.7	Rekabentuk Penyelidikan Artis dan Karya	46
3.8	Rumusan	46

## **BAB 4 – DATA VISUAL DAN ANALISIS**

4.1	Pengenalan	48
4.2	Unsur 1: Kebudayaan Berteraskan Kebudayaan Asal	49
4.2.1	Abdul Multhalib Musa, “By Default”, (2002)	50
4.2.2	Aznan Omar, “New Born”, (2000)	57
4.2.3	Helmi Azam Tajol Aris, “Sudah Terang Lagi Bersuluh”, (2010)	63
4.3	Unsur 2: Kebudayaan Lain yang Sesuai dan Wajar	70
4.3.1	Bibi Chew, “Fragile – Handle With Care”, (2000)	71
4.3.2	Chong Siew Ying, “Kampung Baru”, (2002)	77
4.3.3	Khairul Azmir Shoib, “Bagaikan Pungguk Rindukan Bulan”, (2004)	82
4.4	Unsur 3: Kebudayaan Berunsurkan Islam	88
4.4.1	Mokhzani Hairim Mokhtar, “Manifestasi Perpaduan”, (2002)	90
4.4.2	Azliza Ayob, “Tumpang”, (2006)	94
4.4.3	Fuad Arif, “Pembukaan”, (2013)	98
4.5	Dapatan Kajian	105

## **BAB 5 – KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.2	Kesimpulan	114
-----	------------	-----

<b>BIBLIOGRAFI</b>	119
--------------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	123
-----------------	-----

## **SENARAI PENERBITAN**

1. Firdaus Omran, Shahrul Anuar Shaari, Khizal Saat. (2013). Seni Islam: Satu Analisa Awal Karya Seni Visual Bakat Muda Sezaman (2000-2013) dari Konteks Dasar Kebudayaan Kebangsaan. *conference proceedings 6<sup>th</sup> International Conference on Local Knowledge 2016*, Penang: Universiti Sains Malaysia.
2. Firdaus Omran, Shahrul Anuar Shaari, Khizal Saat. (2016). Tema Budaya Melayu: Analisis Tiga Karya Terpilih Bakat Muda Sezaman (2000-2013) dari Konteks Dasar Kebudayaan Kebangsaan. *Social Science Postgraduate International Seminar 2016*, Penang: Universiti Sains Malaysia.
3. Firdaus Omran, Shahrul Anuar Shaari, Khizal Saat. (2016). Tema Budaya Melayu: Satu Analisa Karya Seni Visual Bakat Muda Sezaman (2000-2013) dari Konteks Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Dalam Penilaian).

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Halaman</b>	
Jadual 3.1	Penerangan Langkah Kritikan Seni Feldman.	41
Jadual 4.1	Jadual menunjukkan penemuan unsur kebudayaan kebangsaan berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau di dalam karya-karya seni visual artis Bakat Muda Sezaman Malaysia tahun 2000-2013.	105
Jadual 4.2	Jadual menunjukkan penemuan unsur kebudayaan kebangsaan berteraskan unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar di dalam karya-karya seni visual artis Bakat Muda Sezaman Malaysia tahun 2000- 2013.	108
Jadual 4.3	Jadual menunjukkan penemuan unsur kebudayaan kebangsaan berteraskan unsur Islam di dalam karya- karya seni visual artis Bakat Muda Sezaman Malaysia tahun 2000-2013.	111

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.9	Rajah menunjukkan kerangka teoritikal keseluruhan kajian. 13
Rajah 3.1	Gambarajah menunjukkan carta alir proses metodologi. 38
Rajah 3.2	4 Langkah Proses Kritikan Seni Feldman (1994). 40
Rajah 3.3	Rajah menunjukkan reka bentuk penyelidikan bagi sempel karya. 46

## SENARAI PLAT

	<b>Halaman</b>	
Plat 2.1	Karya “Alibi Catur Pulau Bidong” (1981) oleh Ponirin Amin.	29
Plat 2.2	Karya “Siri Dungun” (1981) oleh Ruzaika Omar Basaree.	29
Plat 2.3	Karya “Al Rahman” (1982) oleh Zakaria Awang.	30
Plat 2.4	Karya “Dari Satu Keujudan” (1984) oleh Nasir Baharuddin.	30
Plat 2.5	Karya “Catan Orang Kampung IV” (1985) oleh Jalaini Abu Hassan.	31
Plat 2.6	Karya “Kebudayaan XVI” (1989) oleh Tumian Tasman.	31
Plat 4.1	Abdul Multhalib Musa, “ <i>By Default</i> ” (2002), <i>Laser-cut mild plates</i> , 195 x 85 cm, Bakat Muda Sezaman 2002. Katalog Bakat Muda Sezaman 2002.	51
Plat 4.2	Bentuk keris pada bahagian tengah karya.	53
Plat 4.3	Perbezaan saiz bentuk keris.	54
Plat 4.4	Aznan Omar, “ <i>New Born</i> ” (2000), Campuran, 152 x 95 x 190 cm, Bakat Muda Sezaman 2000. Katalog Bakat Muda Sezaman 2000.	58
Plat 4.5	Motif anyaman tradisional yang digunakan pada karya.	60
Plat 4.6	Helmi Azam Tajol Aris, “Sudah Terang Lagi Bersuluhan” (2010), Media Campuran, 213 x 152 x 20cm, Bakat Muda Sezaman 2010. Katalog Bakat Muda Sezaman 2010.	64
Plat 4.7	Karya menggunakan pemidang lutsinar dan boleh dilihat dari bahagian depan dan belakang.	65
Plat 4.8	Perbezaan rupa pada kedua-dua bahagian.	68

Plat 4.9	Nik Zainal Abidin, “Wayang Kulit Kelantan” (1959), Cat Minyak, 81.6 x 106.7cm.	69
Plat 4.10	Bibi Chew, “ <i>Fragile- Handle With Care</i> ” (2000), Media Campuran, 275 x 123.5 x 191cm, Bakat Muda Sezaman 2000. Katalog Bakat Muda Sezaman 2000, BSLN, KL.	72
Plat 4.11	Karya boleh dilihat melalui permukaan plastik separa telus.	73
Plat 4.12	Saharuddin Supar, “ <i>Thirteen Over Infinity 13/00 : Sg. Gombak</i> ” (2000), Media Campuran, 300 x 194.5 x 244cm, Bakat Muda Sezaman 2000. Katalog Bakat Muda Sezaman 2000, BSLN, KL.	75
Plat 4.13	Chong Siew Ying, “Kampung Baru” (2002), Media Campuran, Pelbagai Dimensi, Bakat Muda Sezaman 2002. Katalog Bakat Muda Sezaman 2002.	78
Plat 4.14	Posisi karya dari pandangan belakang.	81
Plat 4.15	Khairul Azmir Shoib, “Bagaikan Pungguk Rindukan Bulan” (2004), Media Campuran, Pelbagai Dimensi, Bakat Muda Sezaman 2004. Katalog Bakat Muda Sezaman 2004.	83
Plat 4.16	Karakter Hang Tuah.	84
Plat 4.17	Karakter berupa ‘ <i>Malefica</i> ’ di dalam BPRB.	85
Plat 4.18	Karakter berupa ‘ <i>Yoda</i> ’ di dalam BPRB.	85
Plat 4.19	Mokhzani Hairim Mokhtar, “Manifestasi Perpaduan” (2002), Kayu, 292 x 40 x 58 cm, Katalog Bakat Muda Sezaman 2002, BSLN, KL.	90
Plat 4.20	Bahagian tapak karya yang di susun dalam keadaan berpisah.	91
Plat 4.21	Simpulan tindih kasih pada karya.	92
Plat 4.22	Azliza Ayob, ‘Tumpang’ (2006), Kertas <i>Paper Clay</i> , Saiz Pelbagai, Sumber: Bakat Muda Sezaman 2006, BSLN, KL.	95

Plat 4.23	Karya ‘Tumpang’ diinstallasi di beberapa tempat sekitar bangunan tapak pameran.	96
Plat 4.24	Fuad Arif, Ilustrasi karya “Pembukaan” (2013), Pancaran Video dan Audio, 3 x 2.5m, Senikini #22, (2014), BSVN, KL.	99
Plat 4.25	Teks terjemahan surah Al-Fatihah disusun secara simetri dari satu ayat ke satu ayat.	100
Plat 4.26	Karya ‘ <i>Waiting for Godot</i> ’ mempunyai persamaan dengan karya ‘Pembukaan’ berkenaan pertembungan budaya barat dan Islam.	102

## **AKRONIM**

BMS	Bakat Muda Sezaman
BSLN	Balai Seni Lukis Negara
BSVN	Balai Seni Visual Negara
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
ITM	Institus Teknologi MARA
MARA	Majlis Amanah Rakyat
UITM	Universiti Teknologi MARA
UMNO	<i>United Malay National Organization</i>

**INTERPRETASI KARYA SENI VISUAL TERPILIH BAKAT MUDA  
SEZAMAN (2000-2013) DARI KONTEKS DASAR KEBUDAYAAN  
KEBANGSAAN**

**ABSTRAK**

Bakat Muda Sezaman (BMS) merupakan pertandingan seni visual anjuran Balai Seni Visual Negara (BSVN) yang paling berprestij di Malaysia. 40 tahun penganjurannya telah berjaya melahirkan ramai artis ternama yang kini menjadi pelopor dalam arena seni visual Malaysia dan serantau. Sesuai dengan kekuatan BMS sebagai cerminan masa depan seni visual Malaysia dan peranan seni sebagai wadah budaya bangsa, objektif kajian bertujuan untuk menganalisis dan seterusnya merungkai karya-karya seni visual terkini artis Malaysia dari perspektif budaya kebangsaan melalui platform BMS dari tahun 2000 hingga 2013. Melalui objektif ini, kajian berhasrat untuk memahami dengan jelas elemen dan ciri-ciri visual yang menjadi identiti budaya di dalam seni visual Malaysia terkini. Objektif ini dicapai menerusi pemerhatian dan pembacaan buku-buku katalog BMS keluaran BSVN, buku-buku ilmiah, jurnal, dan kajian-kajian terdahulu yang relevan selain temu bual ke atas tiga artis dan ahli akademik yang memenangi pertandingan BMS. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, berpandukan 4 komponen teori kritikan seni Feldman E.B. (1994) iaitu penerangan, analisis, interpretasi dan penilaian. 9 karya akan dianalisis dari aspek ‘bentuk’ dan ‘makna’. Keputusan analisis karya akan dibandingkan dengan elemen budaya kebangsaan (triangulasi data) dan seterusnya menjustifikasi dan mengkelaskan karya-karya seni visual BMS berdasarkan 3 teras Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu, budaya rakyat asal rantau, budaya lain yang

sesuai dan budaya Islam melalui teks deskriptif (*descriptive text*). Kajian ini penting untuk mewujudkan kesedaran, penghayatan yang lebih mendalam dan memberikan pengetahuan kepada penghayat seni dalam memahami makna dan pendekatan dan isi di dalam karya seni visual terkini. Hasil kajian melalui teks deskriptif menjelaskan keberadaan elemen budaya kebangsaan dan hubungannya di dalam karya-karya kontemporari terpilih BMS (2000-2013).

**INTERPRETATION OF SELECTED VISUAL ARTWORKS FROM YOUNG  
CONTEMPORARY AWARDS (2000-2013) IN THE CONTEXT OF  
NATIONAL CULTURAL POLICY**

**ABSTRAK**

The Young Contemporary Awards (YCA) is the most prestigious art competition organized by the National Visual Arts Gallery (NAG) in Malaysia. During 40 years of organizing, YCA has produced many renowned artists who became a pioneer in the Malaysian and regional arts arena. In accordance with the strength of YCA as a reflection of Malaysia visual arts future and the role of art as a means of nation cultural, objective of the study was to analyze and dismantling the latest visual art works of Malaysian artists from national cultural perspective through YCA platform from 2000 to 2013. Through these objectives, the study aims to understand clearly the elements and characteristics of the visual identity in the visual arts culture in Malaysia to date. This objective is achieved through observation and literature review from YCA catalog by NAG, scholarly books, journals, and previous studies that are relevant in addition to interviews over three artists and academicians who previously won the YCA art competition. This study used a qualitative approach, based on four components of the theory of art criticism by Feldman E.B. (1994), description, analysis, interpretation and judgement. 9 artworks will be analyzed in terms of 'form' and 'meaning'. The result from analysis of visual artworks will be compared with elements of national culture (data triangulation) and so justify and hence classify the works of visual art BMS based on three terraces of Nationality Cultural Policy namely, indigenous culture of the region, suitable elements of other

cultures can be assimilated into the national culture and Islam is an important element of national culture through descriptive text. This study is important to bring awareness, a deeper appreciation and provide knowledge to the art community in understanding the meaning, approaches and content in the work of visual art to date. The findings through descriptive text explain the existence of the elements of national culture and its relationship with the selected contemporary artworks in YCA (2000-2013).

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN**

Seiring dengan era globalisasi, karya kontemporari ataupun sezaman telah mendapat tempat di dalam landskap seni visual Malaysia. Karya kesenian ini diwarnai dengan kepelbagaian isu dan tema dengan tujuan memberi kefahaman mengenai dunia seni kontemporari dengan berlatar belakangkan masyarakat Malaysia. Beverly Young (2000) di dalam artikel bertajuk “*Art in Malaysia – Starting Thoughts*” telah membandingkan landskap seni Malaysia dan arena seni antarabangsa. Berdasarkan pengamatannya, seni visual Malaysia dilihat masih lagi ketinggalan berbanding negara-negara lain yang telah lama bertapak arena seni antarabangsa. Melihat kembali kepada sejarah seni Malaysia, tidak dapat dinafikan kita masih lagi ‘muda’ di dalam perjalanan seni yang pendek. Memperincikan keadaan seni Malaysia:

*“All the players in the story - the pioneers, the "modernists", the contemporaries of the art world, are still alive or at least fresh in our memories. Traditional art forms*

*remain in practice alongside the avant-garde, even while feeding into contemporary art. The people, intrigues and debates which have spiced up our art history are still recent gossip. There is ample material to be built on, and a future ahead.”*

Beverly Young (2000 : 1)

Namun begitu, seni Malaysia telah mengalami perkembangan yang cukup signifikan dari masa ke masa terutamanya dengan tertubuhnya Balai Seni Lukis Negara (BSLN) pada tahun 1958. Era 1960an menyaksikan tertubuhnya Maktab Perguruan Ilmu Khas yang membuka peluang kepada guru-guru berpengalaman untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang seni di institusi luar negara. Usaha kerajaan ini telah menghasilkan sekumpulan guru seni yang lebih mahir dan berpengetahuan luas seperti Syed Ahmad Jamal, Yeoh Jin Leng, Anthony Lau, Lee Joo Fong, Ismail Zain dan lain-lain. Seterusnya, pendidikan seni telah diperkenalkan secara formal melalui penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967, kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM). Antara pelukis-pelukis terkenal yang lahir daripada institusi ini adalah Ruzaika Omar Basree, Amron Omar, Ponirin Amin, Jailani Abu Hassan dan ramai lagi.

Tahun 1971 memperlihatkan anjakan yang amat ketara di dalam pergerakan seni visual Malaysia dengan kelahiran Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang seterusnya mewujudkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK). Kebudayaan Malaysia dikenali dengan ciri-ciri unik melalui kepelbagaiannya yang ada pada masyarakatnya yang majmuk. Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum yang terdiri daripada tiga kaum besar iaitu Melayu, Cina dan India,

setiap etnik mempunyai budaya dan tradisi yang tersendiri. Bagaimanapun, keindahan kepelbagaian ini tergugat dengan peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 sehingga kerajaan pada masa itu bertindak memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan matlamat utama membina perpaduan di dalam kepelbagaian.

Pengaruh Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat dilihat dengan jelas pada sekitar awal tahun 1980an apabila pelbagai karya bercirikan Islam dan kebudayaan Melayu dapat dilihat di dalam karya-karya dan pemeran-pameran seni visual. Menurut Samiati: Dzulhilmi: Rahman (2013), selain pengaruh Dasar Kebudayaan, perkara ini juga berlaku seiring dengan revolusi Iran yang membawa “*world global Islamic revival*”. Mulyadi Mahmood (2012) turut menyatakan perkara yang sama berkenaan impak kongres dan revolusi Iran terhadap arena seni Malaysia:

*“Di samping kesedaran dan gerak rasa diri pelukis, terdapat faktor-faktor kontekstual yang mendorong tercetusnya karya dan pameran bernafaskan Islam, antaranya kesan pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971), Seminar Akar-akar Pribumi (1979) dan kebangkitan serta kecenderungan global terhadap Islam pada dekad 1980-an”*

Mulyadi Mahmood (2012 : 18)

Intipati daripada Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) juga telah diangkat oleh Syed Ahmad Jamal yang pada ketika itu merupakan Pengarah di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya. Beliau telah mengadakan pameran “Rupa dan Jiwa” yang merupakan sebuah pameran berdasarkan estetika budaya dan jiwa Islam. Pameran ini juga merupakan cetusan daripada Seminar Akar-Akar Kesenian Peribumi dan

Perkembangan Kini anjuran Kajian Senilukis dan Senireka Institut Teknologi MARA pada Disember 1979. Faizal Sidek (2010) menyatakan berlaku penampakkan pengaruh daripada pameran ini di dalam perkembangan pertandingan Bakat Muda Sezaman (BMS) tahun 1980an. Menurutnya, terjadi revivalisme atau memunculkan semula kesenian tradisi dan peribumi, mitos dan lagenda seperti kraf, pantun, yang diberi nafas baru di dalam konteks sezaman yang segar.

Antara karya-karya Bakat Muda Sezaman (BMS) yang mengandungi nilai-nilai semangat dan falsafah budaya adalah karya Mohamed Nasir Baharuddin “Dari Satu Kejuduan” (BMS 1984), karya Jalaini Abu Hassan “Catan Orang Kampung IV” (BMS 1985), karya Mohamed Akif Emir, “*Home Sweet Home*” (BMS 1987), karya Tumian Tasman “Kebudayaan XVI” (BMS 1989) dan lain-lain lagi. Namun begitu, kajian-kajian berkenaan implikasi DKK ke atas praktis seni hanya tertumpu pada era 80an dan 90an sahaja. Tiada lagi kajian yang cuba menghubungkan dan seterusnya menilai sejauh mana keberkesanan dasar ini ke atas karya-karya seni visual abad ini.

Oleh itu, adalah menjadi satu tuntutan untuk dijadikan kajian terhadap interpretasi karya-karya BMS yang terkini dari sudut budaya kebangsaan. Hal ini kerana, budaya merupakan sesuatu yang dinamik dan berubah-ubah. Dalam mengkaji dan menilai impak pelaksanaan DKK, ianya tidak harus berkisarkan kesan jangka pendek semata-mata akan tetapi perlu dipanjangkan untuk dilihat dalam jangka masa yang panjang. BMS merupakan anugerah seni visual terpenting di Malaysia selain boleh dilihat sebagai cerminan masa depan seni visual Negara. Maka, amat penting bagi karya-karya ini diangkat dan difahami peranannya kepada masyarakat.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan kajian semasa dan lampau yang berkaitan dengan perkembangan seni kontemporari/sezaman di Malaysia, terdapat banyak kekurangan dan kelompongan yang perlu diisi oleh pengkaji kini. Azian Tahir (2008) menyatakan dengan jelas berkenaan ketiadaan maklumat terperinci dalam aspek bentuk dan makna karya-karya yang memenangi BMS. Hal ini memperlihatkan kurangnya apresiasi terhadap karya-karya BMS yang sebenarnya amat penting di dalam perkembangan seni visual Malaysia dan seni rumpun (SERUM).

Kajian yang hampir berkenaan impak atau implikasi pelaksanaan dasar kebudayaan adalah penulisan Azian Tahir dan Rosiah Md Noor (2009) bertajuk “Kesedaran Pelukis Moden Malaysia dalam Seni Islam Berlandaskan Dasar Seni Kebangsaan”. Penulisan ini membicarakan perihal karya-karya seni visual yang menyentuh elemen ketiga DKK. DKK di dalam penulisan ini dirujuk sebagai Dasar Seni Kebangsaan. Akan tetapi, penulisan hanya menyentuh tentang konteks Islam sahaja selain karya-karya yang dianalisis tertumpu kepada karya-karya lama.

Azian Tahir dan Rosiah Md Noor (2010) sekali lagi menghasilkan makalah berkenaan DKK bertajuk “*An Analysis Study on Printmaking Artwork with the National Cultural Identity Theme in Malaysia*”. Penulisan ini menjelaskan secara deskriptif elemen-elemen budaya kebangsaan yang terdapat di dalam karya-karya yang terpilih. Namun begitu, penulisan ini hanya mengulas berkenaan pengaruh Dasar Kebudayaan bagi karya seni visual yang menggunakan medium cetakan sahaja.

Penulisan tesis Ahmadrashidi Hasan (2010) membincangkan mengenai lukisan Islam kontemporari Malaysia bermula dari 1980an hingga tahun 2000. Penyelidikan memperincikan bentuk dan simbol Islam, bahan-bahan yang digunakan serta minat yang terlahir dalam memanifestasikan karya seni berbentuk keagamaan. Penyelidikan beliau mendapati kesenian Islam memainkan peranan yang utama selain signifikan terhadap pembangunan seni moden Malaysia terutamanya pada era 90an. Penulisan tidak menjelaskan karya dari sudut formalistik selain penyelidikan tidak membincangkan karya-karya terkini.

Mohamad Daud, Dzul Haimi Md Zain dan Rahman Amin (2013) memberi perhatian mengenai pandangan kontemporari berkenaan seni visual Islam di Malaysia. Kajian mereka menekankan proses yang berlaku di dalam kesenian Islam Malaysia adalah bertitik tolak daripada undang-undang yang digunakan di negeri-negeri Melayu yang dipengaruhi oleh kebudayaan Islam. Namun begitu, penyelidikan tersebut tidak mengulas aspek ‘bentuk’ dan ‘makna’ di dalam kesenian Islam selain mengabaikan pengaruh dasar kebudayaan dan revolusi kebangkitan Islam di Iran terhadap perkembangan seni visual berkoncepcan Islam.

Kajian oleh Mohammad Noh, Ahmadrashidi Hasan, Hamdzun Haron dan Ab. Latif Samian (2014) pula mengkaji mengenai teknik dan media yang digunakan di dalam seni bergambar Malaysia. Karya-karya ini dianalisis menggunakan ekspresi simbol Melayu. Kajian ini bertujuan menyiasat teknik terbaik dan keberkesanannya terhadap penciptaan kesan visual dalam seni bergambar terutamanya menggunakan simbol ekspresi melayu. Hasil kajian mendapati kebanyakkan artis menggunakan media campuran berbanding media konvensional seperti cat minyak, di dalam menghasilkan simbol Melayu. Namun, penyelidikan ini tidak pula menyentuh

tentang jenis simbol Melayu yang sentiasa digunakan oleh artis di Malaysia di dalam karya-karya mereka.

Sarena Abdullah (2011) dalam kajian bertajuk “*Thematic Approach in Malaysia Art Since 1990's*” telah melihat pendekatan yang digunakan oleh artis-artis Malaysia pada ketika itu. Penulis telah membincangkan kesan daripada pendekatan bertema yang digunakan untuk subjek, tema, dan media di kalangan artis-artis Melayu. Kajian menyentuh berkenaan pendekatan bertema di dalam berkarya yang dilihat membawa kepentingan dan isu golongan kelas pertengahan Malaysia di mana artis itu berasal. Penulis tidak menerangkan aspek nilai kebudayaan Melayu, bentuk dan kaitannya dengan dasar yang diperkenalkan.

Masalah bagi kajian-kajian terdahulu berkenaan lukisan kontemporari adalah berikutan kurangnya keinginan dalam mengkaji rasional, tafsiran atau interpretasi, aspek bentuk dan makna serta peranan dari sudut rohani (*spiritual*). Masalah ini dijelaskan oleh Sulaiman Esa (1993) berkenaan kurangnya kefahaman yang jitu berkenaan asas falsafah seni dan prinsip metafizik dalam membentuk karya seni visual. Sarena Abdullah (2012) juga menyatakan tentang kurangnya penulisan seni yang betul dan masalah dalam kritikan seni di negara ini yang berpunca daripada ketiadaan pengkritik seni professional.

Tidak dapat dinafikan, DKK secara tidak langsung telah menjadi asas dan garis panduan kepada artis Malaysia dalam mencari arah tuju pencarian identiti kebangsaan. Dasar ini telah mencorakkan perjalanan seni visual Malaysia. Tiga teras utama kebudayaan kebangsaan telah diperkenalkan pada Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Teras pertama adalah kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Kedua, unsur-unsur

kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan. Terakhir sekali, Islam perlu menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Kesannya, pasca 1970 memperlihatkan gaya dan tema yang berkisarkan isu nasional, identiti sosial dan budaya di dalam karya artis-artis Malaysia (Mulyadi Mahamood, 2001).

Namun begitu, persoalan berkenaan kesan DKK tidak dibincangkan dalam konteks karya-karya seni visual kontemporari terutamanya pada pasca 2000. Persoalannya, adakah kesan DKK hanya berlaku pada era 80an dan 90an sahaja seterusnya usaha dan keinginan untuk mengangkat budaya kebangsaan ini terkubur begitu sahaja. Maka, segala segala persoalan yang timbul tidak akan terjawab dan masih lagi menjadi persoalan selagi mana kajian mengenainya tidak dijalankan.

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, satu kajian berkenaan interpretasi karya-karya terkini BMS dari tahun 2000 hingga 2013 akan dijalankan dari konteks kebudayaan kebangsaan. Kajian akan dijalankan menggunakan rangka kerja teori Kritikan Seni yang diperkenalkan Feldman E.B. (1994) menerusi bukunya “*Practical Art Criticism*”. Teori kritikan seni ini telah dipilih kerana mempunyai kerangka yang jelas dan sistematik dalam membantu proses menganalisis karya yang hendak dilakukan. Bagi melahirkan kajian yang lebih berkesan, kajian juga merujuk kepada artis terlibat yang berlatarbelakangkan bidang akademik bagi memahami dengan jelas aspek bentuk dan makna di dalam karya seni visual yang dihasilkan.

### **1.3 TUJUAN PENYELIDIKAN**

Penyelidikan ini bertujuan merungkai pengisian budaya kebangsaan Malaysia berasaskan elemen Dasar Kebudayaan Kebangsaan di dalam karya-karya terpilih artis Bakat Muda Sezaman dari tahun 2000 hingga 2013.

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan daripada permasalahan kajian telah dikemukakan, sebanyak tiga (3) objektif kajian telah dirumuskan:

- I. Menganalisis dan menginterpretasi aspek ‘bentuk’ dan ‘makna’ karya-karya terpilih daripada artis muda Malaysia melalui platform BMS dari tahun 2000 hingga 2013.
- II. Menilai dan memahami isi kandungan karya yang dihasilkan artis BMS (2000-2013) yang mempunyai hubungan dengan elemen-elemen budaya kebangsaan.
- III. Mengumpul dan mengkategorikan karya-karya Bakat Muda Sezaman mengikut pengisian dan kandungan karya menerusi unsur-unsur Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

### **1.5 SOALAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menjawab:

- I. Bagaimanakah kaedah atau mekanisma untuk menginterpretasi karya seni visual artis muda Malaysia dari aspek ‘bentuk’ dan ‘makna’?

- II. Adakah terdapat nilai-nilai unsur serta pendekatan budaya kebangsaan di dalam karya-karya pelukis Bakat Muda Sezaman (2000-2013)?
- III. Apakah kaedah yang sesuai untuk mengkategorikan karya-karya terpilih Bakat Muda Sezaman (2000-2013) berdasarkan penilaian keberadaan unsur-unsur kebudayaan kebangsaan?

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Skop bagi penyelidikan ini adalah untuk mengkaji isi kandungan karya kontemporari artis muda Malaysia melalui platform BMS dari tahun 2000 hingga 2013 berdasarkan tiga unsur kebudayaan kebangsaan dan juga beberapa perkara yang berkaitan dengan perbincangan. Kajian dihadkan kepada kajian unsur kebudayaan kebangsaan yang terdapat di dalam karya sahaja bagi menentukan skop dan sempadan kajian. Hal ini bagi memastikan keterbatasan kajian dapat dikawal.

Selain itu, kajian juga hanya tertumpu kepada karya-karya penerima anugerah/ pemenang BMS dari tahun 2000 hingga terkini 2013 sahaja memandangkan karya-karya ini diperakukan kualiti dan kekuatannya. Selain itu, karya juga dipilih berdasarkan kandungan karya yang bercirikan kebudayaan kebangsaan sahaja. BMS merupakan satu-satunya pertandingan yang berprestij bagi penggiat seni lukis di Malaysia dan diadakan secara konsisten. BMS juga mempunyai peranan besar dalam mengukur perkembangan seni lukis negara dari konteks sezaman, mendefinisikan masyarakat, etika budaya (*cultural ethos*) dan isu-isu semasa. Oleh itu, BMS dilihat relevan sebagai pengukuran cerminan budaya melalui disiplin seni visual di Malaysia

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Hasil daripada kajian ini akan dapat memberikan gambaran yang jelas dalam menginterpretasi sesebuah karya yang menjawab dan memaparkan unsur-unsur kebudayaan kebangsaan Malaysia berdasarkan “Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971”. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberikan pendedahan dan kefahaman secara langsung dan tidak langsung kepada penggiat seni visual kontemporari dan juga masyarakat tempatan mengenai kebudayaan kebangsaan Malaysia. Hal ini kerana dalam era globalisasi yang berubah begitu pantas, di samping keunikan Malaysia sebagai negara “*multiracial*” dan “*multiculture*”, kefahaman yang jelas berkenaan kebudayaan bangsa adalah amat penting dan kritikal bagi meneruskan kelangsungan perpaduan di kalangan masyarakat.

Pemahaman yang jelas berkenaan unsur kebudayaan kebangsaan akan dapat memberi nilai tambah dalam menghasilkan sesebuah karya yang matang dan intelektual dalam konteks wadah bangsa. Sudah tentu kita ingin melihat penggiat seni, melalui karya mereka memainkan peranan yang signifikan dalam membina dan memperkuuhkan identiti budaya bangsa bukan sahaja di dalam negara, bahkan di arena antarabangsa.

Selain itu, dapatan daripada penulisan kajian ini juga secara tidak langsung akan membuka lebih banyak ruang perbincangan seterusnya membantu menguar- uarkan dan menghangatkan lagi kesedaran mengenai kepentingan kebudayaan kebangsaan kepada lapisan masyarakat. Oleh kerana terlalu kurangnya bahan-bahan bercetak mahupun penulisan ilmiah berkenaan perhubungan budaya kebangsaan dan karya-karya seni visual terkini dan kontemporari yang boleh dijadikan rujukan, penulisan kajian ini diharap akan menjadi satu dokumentasi terhadap perkembangan


seni visual sezaman tempatan secara amnya dan memberi makna kepada aspek identiti kebudayaan bangsa khususnya.

## **1.8 KETERBATASAN KAJIAN**

Halangan utama yang mengekang penulisan kajian ini adalah kurangnya penerbitan bahan-bahan bertulis yang dapat dijadikan sebagai sandaran dan rujukan kepada penulisan ini terutamanya berkenaan dengan implikasi kebudayaan kebangsaan terhadap perkembangan seni lukis di Malaysia. Selain itu, tiada garis panduan yang jelas bagi melihat dan menentukan adakah sesebuah karya itu menampilkan pengisian atau konsep berdasarkan kebudayaan kebangsaan. Kajian-kajian terdahulu juga tidak dibuat melalui penglibatan artis menyebabkan terdapat artis yang tidak bersetuju dengan penulisan berkenaan karya mereka.

Oleh kerana karya yang dihasilkan adalah ekspresi daripada artis itu sendiri, adalah penting untuk memahami sesuatu karya melalui artis itu sendiri. Namun begitu, penulisan berkenaan maklumat yang terperinci serta penerangan daripada artis berkenaan karya mereka di dalam bentuk penulisan amat kurang. Selain itu, penulisan daripada pengkritik seni tempatan mahupun antarabangsa berkenaan karya pelukis tempatan samada dari segi pengolahan bahan, teknik mahupun idea adalah tidak mencukupi. Masalah ini turut dinyatakan oleh Rosiah Md Noor dan Azian Haji Tahir (2010) di dalam kajian mereka “Bakat Muda Sezaman: Kajian Penghasilan Karya Seni Halus” berkenaan kesukaran untuk mencari penulisan ilmiah ataupun kritikan seni bagi karya-karya BMS.

## 1.9 KERANGKA TEORITIKAL



Rajah 1.1: Rajah menunjukkan kerangka teoritikal keseluruhan kajian.

## **1.10 ORGANISASI KAJIAN**

Secara khususnya, kajian ini merangkumi lima bab. Bab pertama adalah pengenalan kepada kajian yang merangkumi latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, tujuan penyelidikan, objektif kajian, soalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, keterbatasan kajian dan yang terakhir organisasi kajian.

Bab dua pula akan membincangkan tentang tinjauan daripada kajian lepas mengenai DKK dari segi pelaksanaan, matlamat, kepentingan, dan impak kepada seni visual Malaysia. Seterusnya perihal BMS, peranannya dan kesan terhadap DKK. Perihal teori-teori kritikan seni dan seterusnya rumusan bab.

Bab tiga merupakan bahagian metodologi penyelidikan yang menerangkan secara terperinci bagaimana kajian ini dijalankan. Bab ini merangkumi pengenalan, metodologi proses carta alir, metodologi, teori, kajian literatur, sampel karya, rekabentuk penyelidikan dan rumusan bab.

Bab empat pula adalah bab data visual dan analisis kepada karya-karya BMS 2000-2013 terpilih. Bab ini membincangkan karya melalui teks deskriptif menggunakan teori kritikan seni Feldman, E.B. (1994). Bab ini mengklasifikasikan karya kepada tiga kategori berdasarkan unsur-unsur budaya kebangsaan. Dapatan kajian akan dikemukakan di akhir bab ini.

Akhir sekali merupakan bab lima iaitu kesimpulan dan cadangan. Kesimpulan dan cadangan ini dilakukan berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperoleh.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Di dalam proses menjalankan kerja-kerja penyelidikan, kajian literatur yang berkaitan dengan pengetahuan penyelidikan telah dijalankan berdasarkan buku, kajian ilmiah atau jurnal, tesis, katalog pameran, internet dan lain-lain sumber yang berkaitan. Semua maklumat yang deperolehi daripada bahan-bahan bacaan ini telah dikumpulkan dan digunakan dengan sebaik mungkin. Semua maklumat dan rujukan yang dikumpulkan untuk penyelidikan ini disenaraikan pada bahagian belakang tesis. Bahagian bab ini memperincikan tentang kebudayaan kebangsaan, Bakat Muda Sezaman, serta teori-teori kritikan seni yang digunakan sebagai medium untuk menganalisis karya secara teratur dan sistematik untuk melengkapkan kajian penyelidikan.

## **2.2 KEBUDAYAAN, KEBUDAYAAN KAUM DAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

Kebudayaan merupakan aspek penting dalam pembangunan masyarakat. Ini kerana kebudayaan itu sendiri merujuk kepada ketamadunan. Abdul Bakar Hamzah (1972) mengatakan, istilah tamadun itu sama dengan istilah ‘Kebudayaan’. Ianya wujud seiring dengan perkembangan hidup masyarakat setempat dari masa ke masa dalam dua bentuk iaitu kebendaan dan pemikiran. Menurut Kamus Dewan (2007), kebudayaan adalah tentang cara hidup yang merangkumi cara berkelakuan, berfikir dan bertindak serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, dan kemajuan (akal budi). Makna ini dilihat selari dengan pendapat Koetjaraningrat (1970) di dalam buku *Pengantar Antropologi* yang menyebut bahawa perkataan kebudayaan berasal daripada bahasa Sanskrit yang berbunyi “buddhayah” iaitu bentuk jamak dari “buddhi” yang bererti “budi” atau “akal”.

Idris Zakaria (2010) pula menjelaskan budaya terbit daripada “budi dan daya” di mana budi itu merujuk kepada makna akal, fikiran, pendapatan, ikhtiar, perasaan dan budi bicara yang lahir daripada kekuasaan otak manakala daya pula bermaksud tenaga usaha dan kekuatan yang bedasarkan tinggi rendahnya budi tadi. Bagi memahami konteks kebudayaan dengan lebih terperinci, Aziz Deraman (2000) telah membahagikan kebudayaan kepada empat bahagian utama iaitu pemikiran (idea), kebendaan, kesenian dan norma. Melalui penjelasan-penjelasan berkenaan kebudayaan, dapat disimpulkan bahawa kebudayaan merupakan tamadun kepada sesuatu masyarakat yang diwarisi sejak turun temurun serta bersifat dinamik. Kebudayaan berkembang dari masa ke masa selari dengan arus kemodenan dan

perubahan. Namun begitu, dalam arus perubahan yang dinamik ini, ia tidak pula menghilangkan identiti yang diwarisi sejak sekian lama.

Kepentingan mewujudkan satu kebudayaan yang berlandaskan kebangsaan amat penting terutamanya dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah Negara majmuk yang bersifat berbilang kaum (*multi race*) dan berbilang budaya (*multi culture*). Berbeza dengan budaya bersifat kaum, budaya kebangsaan berfungsi sebagai medium bagi merapatkan jurang perbezaan kaum supaya rakyat dapat bersatu padu, menimbulkan identiti sendiri yang bersifat kebangsaan tidak seperti kebudayaan bukan kebangsaan yang hanya terhad kepada budaya sukuan dan kaumnya sahaja. Kebudayaan kebangsaan menolak nilai-nilai perkauman dan pada masa yang sama menerapkan nilai-nilai kebangsaan berbeza dengan kebudayaan kesukuan atau kaum yang mengekalkan kebudayaan tiap-tiap kaum sehingga melambatkan usaha kearah perpaduan kaum (Aziz Deraman, 1985).

### **2.3 PELAKSANAAN DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN 1971**

Kesedaran tentang perlunya sebuah dasar kebudayaan sebenarnya telah wujud sebelum tahun 1971 lagi. Ia dapat dilihat menerusi Kongres Kebudayaan Melayu Pertama Tanah Melayu yang telah diadakan pada 30 Disember 1957 hingga 2 Januari 1958 di Melaka. Kongres ini telah dihadiri oleh 53 buah badan kebudayaan Melayu dari seluruh Semenanjung, Singapura, dan Kalimantan Utara yang menjadi asas kepada teras kebudayaan kebangsaan yang dilaksanakan pada masa ini. Melalui Kongres tersebut, lahirnya ketetapan bahawa “Kebudayaan Melayu boleh dan sesuai dijadikan teras kebudayaan kebangsaan di Tanah Melayu” (Aziz Deraman, 2001). Dr

Burhanuddin Al-Helmy di dalam ucapannya pada Kongres Kebudayaan Melayu telah mengatakan:

*“Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama ini ialah kita mengambil keputusan ketetapan dan bergerak pada membaharui kembali kebudayaan kebangsaan kita di atas asas budaya pusaka kita dalam ketika mencari kerakyatan di negeri pusaka kita ini sedang mula berubah dengan corak baru. Maka dalam perubahan ini bangsa Melayu dan kebudayaan Melayu inilah yang mesti dijadikan asas fardhu rumpun kebudayaan kebangsaan kita yang akan bertunas dan hidup subur dan kembali di antara kebudayaan bangsa-bangsa di dunia kelak.”*

Ab. Samad Ahmad (Peny) (1982 : 22)

Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama ini menunjukkan dengan jelas bahawa terdapat kesedaran yang tinggi di kalangan cendekiawan Melayu akan kepentingan bagi memperkasa dan memperkuuhkan kebudayaan kebangsaan. Hal ini penting bagi memastikan kelangsungan budaya Melayu dan menjadikannya sebagai asas penting kepada kebudayaan kebangsaan. Ketetapan ini bukanlah bersifat perkauman, sebaliknya turut mengambil kira faktor sejarah dan kedudukan orang melayu sebagai masyarakat pribumi bagi rantau ini.

Peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang telah menjadi kemuncak kepada ketegangan kaum di Malaysia dan seterusnya menyebabkan perpecahan yang amat ketara dikalangan rakyat pada ketika itu (Azian Tahir & Rosiah Md. Noor, 2009). Tragedi ini telah menimbulkan kesedaran baharu tentang perlunya menangani

konflik perbezaan kaum yang wujud pada ketika itu. Atas sebab itu, Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 telah diadakan buat kali pertama oleh kerajaan dan seterusnya memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (Azian Tahir & Rosiah Md. Noor, 2009; N. Ishimatsu, 2011).

Kerajaan Malaysia yang dipimpin parti politik “*United Malays National Organisation*” (UMNO) telah menetapkan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan terbahagi kepada tiga (3) teras:

1. Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini.
2. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan.
3. Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu.

Tiga teras kebudayaan kebangsaan yang dibentuk juga sebenarnya adalah berkisarkan intipati daripada Kongres Kebudayaan Melayu Pertama Tanah Melayu 1957. Perkara ini dinyatakan oleh Anwar Ibrahim (1983):

*“Jika kita menyingskap lembaran sejarah, tiga prinsip dasar kebudayaan kebangsaan yang ditetapkan pada tahun 1971 itu adalah pernyataan daripada hakikat sejarah yang secara terus dipertahankan sebagai wasiat suci pembela bangsa dan para pejuang kemerdekaan Negara. Para pejuang kemerdekaan menganjurkan Kongres Kebudayaan Melayu 1957. Kongres ini telah merangkakan dasar kebangsaan*

*bagi Negara merdeka dan berdaulat selepas 31 Ogos 1957  
yang merangkumi warganegara baru daripada golongan  
imigran.”*

Anwar Ibrahim (1983)

Setelah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dilaksanakan, ia sering dirujuk sebagai antara dasar penting yang menyumbang kepada kelahiran sebuah negara bangsa. Pelbagai aktiviti kebudayaan yang serasi dengan DKK telah dijalankan oleh kerajaan selain mengwujudkan beberapa akta tertentu yang dapat membantu pihak kerajaan dalam menjamin kelancaran dasar yang diperkenalkan.

### **2.3.1 MATLAMAT PERANCANGAN DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

Matlamat utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah dinyatakan dengan jelas oleh mantan Perdana Menteri Y.A.B Tun Haji Abdul Razak bin Hussien semasa perasmian “Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971” sebagai langkah awal mencari asas-asas kebudayaan nasional disamping menentukan ‘identiti’ atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa-bangsa merdeka dan berdaulat yang lain. Malaysia masih lagi baru sebagai sebuah negara merdeka jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia. Justeru itu, pembangunan kebudayaan kebangsaan perlu diberi keutamaan (Aziz Deraman, 2001).

Hasil daripada perbincangan yang mendalam di dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan, tiga (3) matlamat utama telah digariskan kerajaan:

- i. Mengukuhkan **perpaduan Negara** melalui Kebudayaan Kebangsaan.
- ii. Memelihara, mengembang dan mengukuhkan Kebudayaan Kebangsaan kearah pengujudan **keperibadian Kebangsaan**.
- iii. Memperkayakan dan mempertinggikan kualiti kehidupan **kemanusiaan dan kerohanian** yang seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi.

Malaysia telah dijajah berabad lamanya dan pada era kolonial, pembangunan kebudayaan dan pemupukan perpaduan di kalangan masyarakat tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Kebudayaan kebangsaan merupakan satu usaha dan langkah ke arah menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Selain daripada matlamat asas yang digariskan oleh kerajaan, terdapat juga beberapa matlamat lain dasar ini diwujudkan. Hal ini berpunca daripada elemen-elemen luar yang tidak sesuai dan tidak terkawal telah menjadi kebimbangan masyarakat pada ketika itu. Aziz Deraman (1989) menambah lima (5) lagi matlamat lain disebalik pelaksanaan Kebudayaan Kebangsaan iaitu.

- i. Menggalak atau memberi penekanan terhadap daya kreatif bebas dan dorongan pemupukan bakat dan pemikiran kumpulan atau individu (misalnya meningkatkan taraf dan mutu kesenian di bidang seni muzik, seni lakon, seni tari dan sebagainya).
- ii. Mengenengahkan ciri-ciri atau nilai-nilai yang terbaik dalam sesuatu bidang, contoh etika kerja, disiplin, hormat kepada ibubapa di kalangan kanak-kanak.

- iii. Di dalam masyarakat berbilang kaum, menonjolkan ciri-ciri keperibadian nasional perlu diperkenalkan dan menjadi salah satu matlamat utama.
- iv. Mengatasi kelemahan dan keburukan sebahagian budaya massa (*mass culture*), contoh tarian separuh bogel, diskو, hippism, rock berat (*heavy metal rock*).
- v. Mengatasi keburukan budaya perdagangan (*culture commercialism*), contoh permainan video yang bermotif perjudian di pasaraya-pasaraya.
- vi. Mengatasi pengaruh-pengaruh asing yang tidak terkawal dan tidak sesuai, yang mungkin membawa unsur-unsur '*cultural imperialism*'.

### **2.3.2 KEPENTINGAN DASAR KEBUDAYAAN**

Kesan daripada penjajahan British di Tanah Melayu selama hampir dua abad, budaya dan identiti tradisional masyarakat Melayu mula terkikis. Perkara ini berpunca daripada paksaan dalam menerima nilai-nilai baru daripada budaya asing dalam usaha mengubah struktur budaya di Nusantara (Nordin Selat ,1984). Dasar pecah perintah (*divide and rule*) yang diamalkan penjajah bagi kelompok masyarakat daripada kaum yang berbeza terpisah secara sistematik dan mengakibatkan interaksi sosial menjadi sukar (Redza Piyadasa, 1992). Hal ini telah menyebabkan perpaduan dikalangan masyarakat terhalang seterusnya memudahkan pentadbiran kolonial mereka. Redza Piyadasa (1981) mengulas perkara ini di dalam penulisannya *The treatment of the local landscape in modern Malaysian art, 1930-1981;*

*“The complexities of a search for cultural identity in a polyglot society will continue and it will take generations even before it is finally realized. There is such a need for honesty and a vision that is big enough to encompass the complexities of a nation that is being transformed by the coming together of diverse cultural influences. The challenge facing visual artists in this countries lies in whether they can contribute meaningfully through their artistic creations toward a vision that is finally real to their environment and also real to themselves.”*

Redza Piyadasa (1981 : 51)

Dasar Kebudayaan Kebangsaan boleh dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat Malaysia mengenai kesenian dalam konteks kebangsaan supaya identiti nasional bangsa dapat disemai di setiap lapisan masyarakat. Pengkarya di dalam bidang kesenian, terutamanya seni visual harus memainkan peranan bagi memastikan matlamat ini mampu dicapai. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pengamal seni Malaysia untuk menggalas hasrat ini dan menggunakan dasar kebudayaan kebangsaan sebagai asas dalam perbincangan dan penghasilan karya seni yang berteraskan identiti negara. Tidak dinafikan, kerajaan tidak pernah memaksa mana-mana artis untuk menerapkan elemen dasar kebudayaan pada karya seni visual mereka. Namun artis seni visual perlulah sedar akan kepentingan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini sebagai satu cerminan identiti yang dapat menjadi garis pengukur dan seterusnya memberi nilai tambah kepada karya seni visual mereka (Azian Tahir & Rosiah Md Noor, 2009).

### **2.3.3 IMPAK PELAKSANAAN DASAR TERHADAP PRAKTIS SENI MALAYSIA**

Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah banyak mengubah cara, kaedah, dan ekspresi artis dalam berkarya terutamanya pada sekitar tahun 1970-an dan 1980-an. Perubahan yang berlaku juga adalah ekoran pengaruh Islam yang memuncak dengan terjadinya Revolusi Iran yang menamatkan krisis minyak pada tahun 1973-1974. Rentetan daripada itu, ekonomi negara pengeluar minyak telah meningkat berikutan harga minyak yang melonjak naik pada 1979-1980 seterusnya membolehkan pelaksanaan program-program sosial budaya yang boleh meningkatkan taraf hidup rakyat (Faizal Sidek, 2010). Sulaiman Esa (1992) menerangkan kesan pengenalan dasar ini kepada penggiat seni:

*“Central to the creative commitments of many Malaysian artists since the early history of Modern Malaysian art has been the search for national cultural identity. The desire to define and delineate the essence that embodies the “Malaysian-ness of Malaysian” art, provides the driving force behind their creativity.”*

Sulaiman Esa (2012 : 224)

Sarena Abdullah (2013) menerangkan, pendekatan berpaksikan kebudayaan Melayu dan Islam dapat dilihat terutamanya di kalangan artis-artis Melayu yang berpendidikan dari Institut Teknologi MARA (ITM) seperti Sulaiman Esa, Ruzaika Omar Basaree, Ponirin Amin, Khatijah Sanusi, Mastura Abdul Rahman dan ramai lagi. Sulaiman Esa (2010) sekali lagi berkongsi impak DKK terhadap dirinya sendiri, ‘*Kongres tersebut membuka mata kami, sebenarnya kita perlu mencari sesuatu yang*